

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD JOHARI
BIN BAHAROM [KUBANG PASU]**

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terhadap perkembangan PR1MA sejak ianya diwujudkan. Berapakah bilangan rumah yang telah diagihkan kepada pemohon dan berapakah bilangan baharu yang akan dibina sehingga tahun 2016. Apakah pihak PR1MA berpuas hati dengan prestasi kontraktor pembinaan rumah-rumah berkenaan dan kerjasama pihak PBT berhadap projek ini terutamanya di dalam pengeluaran sijil CF.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, mandat PR1MA adalah untuk menyediakan 500,000 unit rumah. Setakat ini, Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 119,933 unit rumah untuk dibina di seluruh negara. Jumlah unit pembangunan ini sentiasa berubah dan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang giat diadakan.

PR1MA juga sedang rancak melaksanakan pembinaannya yang meliputi pelbagai tempat strategik di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, PR1MA telah menerima kelulusan bagi Perintah Pembangunan untuk membangunkan 32 projek yang melibatkan 28,363 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,308 unit rumah sedang dalam pembinaan yang terdiri daripada 8 buah projek. Sekiranya lebih banyak Perintah Pembangunan diluluskan, maka lebih banyak projek rumah PR1MA akan memulakan kerja-kerja pembangunannya. Antara projek-projek yang berada dalam pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Perak dan Negeri Sembilan. Memandangkan projek-projek ini masih berada dalam fasa pembinaan, Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) masih belum diperolehi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyerahkan secara rasmi replika kunci kepada pemilik rumah PR1MA Presint 11 Putrajaya

pada 7 Mac 2015 yang lalu. Projek ini telah siap dibina oleh Putrajaya Holdings dan CCC yang bertarikh 4 Mac 2015 telah diterima pemaju.

Dalam melaksanakan pembangunanya, PR1MA sentiasa menjalinkan hubungan yang erat dengan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju swasta bagi memastikan kelancaran urusan memperolehi kelulusan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini, Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA telah menerima sebanyak 962,581 permohonan di seluruh negara. Bilangan ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak projek pembangunan PR1MA dilancarkan kelak.

PR1MA juga turut mengadakan *road show* bagi mempromosikan projek-projek perumahannya. *Road show* ini menjadi medium hebahan bagi projek-projek PR1MA yang telah dilancarkan serta menjadi pusat informasi untuk orang awam mendapatkan maklumat lanjut berkenaan pembangunan PR1MA.

Sekian. Terima kasih.